

Konsep *Wakālah* dalam Pengurusan Zakat Pendidikan: Analisis Fiqh Terhadap Amalan Pelantikan Amil di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia

The Concept of Wakālah in the Management of Zakat for Education: A Fiqh Analysis of the Practice of Appointing Amil in Malaysian Higher Education Institutions

Mohammad Noorazlan Md Ismail¹
Nor Aini Ali²
Suhaili Sarif³

ABSTRAK

Makalah ini menganalisis aplikasi konsep wakālah dalam pengurusan zakat pendidikan di Malaysia dengan memberi tumpuan khusus kepada amalan pelantikan amil di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Dalam konteks pentadbiran zakat moden, pelantikan amil IPT melalui kontrak wakālah berperanan sebagai instrumen tadbir urus yang menghubungkan autoriti institusi zakat dengan keperluan pengurusan zakat di peringkat institusi pendidikan. Berdasarkan pendekatan kajian konseptual dan analisis dokumentasi, perbincangan fiqh muamalat mengenai wakālah diuraikan secara sistematik merangkumi definisi, rukun dan syarat, penamatan kontrak wakālah dan peruntukan upah bagi khidmat wakālah yang dipertanggungjawabkan. Prinsip-prinsip fiqh ini seterusnya dipetakan secara langsung kepada amalan semasa pelantikan amil IPT di Malaysia bagi menilai keselarasan antara teori fiqh dan realiti tadbir urus institusi. Perbincangan menunjukkan bahawa amalan pelantikan amil IPT melalui wakālah adalah selari dengan prinsip asas fiqh Islam, namun keberkesanan dan keteguhan syariahnya bergantung kepada kejelasan mandat, struktur tadbir urus dan mekanisme pemantauan yang dilaksanakan. Makalah ini menyumbang kepada pemantapan kefahaman konsep wakālah dalam konteks zakat pendidikan serta menyediakan asas teori yang lebih kukuh bagi penambahbaikan dasar dan amalan pelantikan amil IPT di Malaysia.

Kata kunci: *wakālah; penolong amil; tadbir urus zakat; zakat pendidikan; institusi pengajian tinggi.*

ABSTRACT

This article analyses the application of the concept of wakālah in the management of zakat for education in Malaysia, with particular emphasis on the practice of appointing amil at Higher Education Institutions (HEIs). In the context of modern zakat administration, the appointment of HEI amil through wakālah contracts functions as a governance instrument that links the authority of zakat institutions with the operational needs of zakat management at the institutional level. Using a conceptual research approach and document analysis, the discussion of fiqh mu'āmalāt on wakālah is systematically elaborated, covering its definition, pillars and conditions, termination of wakālah contracts, and provisions for remuneration for delegated wakālah services. These fiqh principles are then directly mapped onto the current practices of appointing amil at Malaysian HEIs to assess the alignment between fiqh theory and institutional governance realities. The discussion demonstrates that the practice of appointing HEI amil through wakālah is consistent with the fundamental principles of Islamic jurisprudence. However, the effectiveness and Shariah robustness of this practice depend on the clarity of mandate, governance structures, and monitoring mechanisms implemented. This article contributes to strengthening the understanding of the concept of wakālah in the context of zakat

¹ (Corresponding author). Calon Pascasiswazah. Jabatan Syariah, Ekonomi dan Governan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. noorazlanismail211@gmail.com

² PhD, Pensyarah Kanan. Jabatan Syariah, Ekonomi dan Governan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. aini@um.edu.my

³ PhD, Profesor Madya. Jabatan Pengurusan dan Kewangan Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. suhaili@um.edu.my

education and provides a more robust theoretical foundation for improving policies and practices related to the appointment of amil at Higher Education Institutions in Malaysia.

Keywords: *wakālah; assistant amil; zakat governance; zakat education; higher education institutions.*

PENDAHULUAN

Pengurusan zakat pendidikan merupakan antara komponen penting dalam sistem kebajikan sosial Islam khususnya dalam menyokong kelangsungan pengajian pelajar asnaf di institusi pengajian tinggi (IPT). Peningkatan kos sara hidup, yuran pengajian serta keperluan sokongan bukan kewangan menjadikan zakat sebagai instrumen strategik dalam memastikan akses pendidikan yang adil dan inklusif. Dalam konteks ini, institusi zakat berdepan cabaran untuk memastikan proses kutipan dan agihan zakat dilaksanakan secara cekap, telus dan responsif terhadap keperluan sebenar pelajar.⁴

Di Malaysia, pengurusan zakat berada di bawah bidang kuasa institusi zakat negeri yang berperanan sebagai amil tunggal. Walau bagaimanapun, perkembangan sistem pendidikan tinggi dan kepelbagaian keperluan pelajar menuntut satu mekanisme tadbir urus yang lebih fleksibel dan bersifat desentralisasi terancang.⁵ Sehubungan itu, konsep *wakālah* diaplikasikan sebagai satu mekanisme perwakilan kuasa bagi membolehkan institusi tertentu seperti IPT turut dilantik sebagai penolong amil untuk membantu melaksanakan fungsi kutipan dan agihan zakat. Pendekatan ini bukan sahaja bertujuan meningkatkan kecekapan operasi, malah memperkukuh keberkesanan sistem penyampaian bantuan zakat kepada golongan sasaran.⁶

Pelantikan IPT sebagai penolong amil berasaskan konsep *wakālah* membawa implikasi penting dari sudut syariah dan tadbir urus institusi. Dari perspektif fiqh muamalat, *wakālah* merupakan kontrak perwakilan yang dibenarkan syarak dengan syarat-syarat tertentu berkaitan pihak-pihak yang berakad, skop kuasa yang diwakilkan serta mekanisme pemantauan dan penamatan kontrak.⁷ Dari sudut tadbir urus pula, pelaksanaan *wakālah* menuntut kejelasan peranan, akauntabiliti wakil serta pematuhan kepada prinsip ketelusan dan amanah dalam pengurusan dana awam seperti zakat. Justeru, kegagalan memahami dan mengaplikasikan konsep *wakālah* secara menyeluruh boleh menjejaskan keabsahan syariah dan keberkesanan pentadbiran zakat.

Walaupun pelantikan penolong amil IPT telah diamalkan oleh institusi zakat di beberapa negeri, perbincangan akademik yang menghuraikan konsep *wakālah* secara sistematik dalam konteks tadbir urus zakat pendidikan masih terhad. Kebanyakan kajian sedia ada menumpukan aspek skim agihan zakat, keperluan pelajar atau keberkesanan bantuan kewangan, manakala analisis konseptual berkaitan mekanisme perwakilan kuasa dan struktur tadbir urus penolong amil IPT kurang diberikan perhatian. Jurang ini

⁴ Mohammad Noorazlan Md Ismail dan Nor Aini Ali. "Simulasi Bantuan Zakat oleh Penolong Amil Institusi Pengajian Tinggi di Selangor." *Online Journal of Islamic Management and Finance (OJIMF)* 2, no. 2 (2022): 103-116.

⁵ Muhammad Rizal Jalil, Hairunnizam Wahid dan Sanep Ahmad. "Lokalisasi Unit Zakat Institusi Pengajian Tinggi Sebagai Model One Stop Center Agihan Zakat Pendidikan." *Journal of Fatwa Management and Research* 10, no. 1 (2017): 51-72.

⁶ Rosliza @ Rosli Mahmud, Sanep Ahmad, Abdul Basir Haji Mohamad dan Shofian Hj Ahmad. "Institusi Pengajian Tinggi Sebagai Model Melokalisasikan Urus Tadbir Zakat di Malaysia." *Jurnal Muamalat* 7 (2014): 133-161.

⁷ Azman Ab Rahman, Ammar Badruddin Romli, Muhammad Faiz Abd Shakor, Mohd Noor Daud dan Azme Matali. "Amalan Wakalah Pengurusan Zakat di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia." *Journal of Fatwa Management and Research* 29, no. 3 (2024): 80-89.

menunjukkan keperluan kepada satu perbincangan yang mengintegrasikan prinsip *wakālah* dengan amalan pengurusan zakat semasa.

Sehubungan itu, makalah ini bertujuan membangunkan satu analisis konseptual mengenai aplikasi *wakālah* dalam pelantikan amil IPT di Malaysia. Perbincangan ini memberi tumpuan kepada asas teori *wakālah*, rukun dan syarat pelaksanaannya, skop kuasa wakil serta implikasinya terhadap tadbir urus zakat pendidikan. Dengan merujuk kepada amalan pelantikan sebagai amil institusi di beberapa IPT terpilih sebagai konteks, makalah ini tidak bertujuan mengemukakan dapatan empirikal, sebaliknya menyediakan kerangka konseptual yang boleh menjadi asas kepada kajian lapangan dan pembangunan dasar zakat pendidikan pada masa hadapan.

METODOLOGI KAJIAN

Makalah ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan kajian konseptual dan analisis dokumentasi. Reka bentuk kajian ini dipilih selaras dengan objektif kajian yang menumpukan kepada pembangunan hujah teori dan sintesis literatur berkaitan *wakālah* serta tadbir urus zakat pendidikan.

Sumber data sekunder merangkumi literatur fiqh klasik dan kontemporari dalam bidang muamalat Islam serta penulisan akademik berkaitan pengurusan dan tadbir urus zakat. Analisis dilakukan secara tematik dengan mengenal pasti prinsip utama *wakālah*, diikuti pemetaan prinsip tersebut kepada amalan semasa pelantikan amil IPT.

Pendekatan ini membolehkan perbincangan difokuskan kepada kesepadanan antara teori fiqh dan realiti pentadbiran tanpa terikat kepada dapatan empirikal tertentu. Rujukan kepada amalan di beberapa IPT digunakan sebagai konteks ilustratif bagi menyokong hujah konseptual dan bukannya sebagai kajian kes perbandingan.

KONSEP WAKĀLAH DALAM PENGURUSAN ZAKAT PENDIDIKAN

Definisi *Wakālah*

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, istilah *wakālah* didefinisikan sebagai perwakilan.⁸ Dalam bahasa Arab, kata dasar *wa-ka-la* merujuk kepada konsep menjadi wakil. Ibn Manzūr menjelaskan bahawa *wakālah* menggambarkan tindakan menyerahkan tugas atau tanggungjawab kepada orang lain sebagai perwakilan.⁹ Konsep ini menekankan elemen kepercayaan terhadap wakil tersebut. Selain itu, *wakālah* juga merangkumi situasi di mana seseorang meminta orang lain untuk menguruskan urusan tertentu bagi pihaknya,¹⁰ termasuklah dalam aspek pengurusan harta, pembahagian harta pusaka atau sebagai ejen dalam transaksi jual beli dan aktiviti perniagaan.¹¹

Menurut pandangan ulama dari mazhab Māliki, Shāfi'ī dan Ḥanbalī, *wakālah* didefinisikan sebagai proses di mana seseorang memberikan kuasa kepada orang lain untuk melakukan tindakan yang biasanya dilakukan semasa hidupnya, meliputi urusan yang legal diwakilkan.¹² Proses ini tidak melibatkan tindakan yang berlaku selepas

⁸ *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), entri “*wakalah*”.

⁹ Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arāb* (Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabiy, 1997), jil. 15, 387.

¹⁰ Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah, *al-Mu'jam al-Wasīṭ* (t.tp, t.p, 1985) jil. 2, 1097.

¹¹ Hailani Muji Tahir dan Sanep Ahmad, *Aplikasi Fiqh Muamalat dalam Sistem Kewangan Islam* (Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), 2009), 148.

¹² Wahbah al-Zuhaylī, *Fiqh dan Perundangan Islam*, terj. Ahmad Shahbari Salamon (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999), jil. 5, 153.

kematian pemberi kuasa, kerana hal tersebut akan dikategorikan sebagai wasiat.¹³ Sebaliknya, menurut ulama Ḥanafī, *wakālah* adalah penyerahan tanggungjawab kepada seseorang lain untuk menguruskan tugas-tugas tertentu yang disahkan oleh syarak, termasuk memberikan dan menjaga harta atau aset. Ini termasuklah pengurusan transaksi jual beli atau tindakan lain yang secara umum boleh diwakilkan, seperti memberikan keizinan untuk melakukan sesuatu tindakan.¹⁴

Umumnya, *wakālah* merujuk kepada tindakan menyerahkan atau melantik seseorang sebagai wakil untuk melaksanakan tugas atau urusan tertentu. Pelantikan wakil ini perlu berkaitan dengan urusan yang diizinkan oleh syariat dan meliputi berbagai bidang termasuk perniagaan, perundangan, perkahwinan dan aktiviti harian. Tambahan pula, persetujuan mengenai pembayaran upah kepada wakil sama ada upah diberikan atau tidak harus jelas dan dipersetujui oleh kedua belah pihak yang terlibat.

Dalam konteks zakat pendidikan, pelantikan amil IPT merupakan aplikasi *wakālah* dalam urusan harta awam. Institusi zakat negeri bertindak sebagai *muwakkil* yang mempunyai autoriti syarie, manakala IPT berfungsi sebagai *wakil* yang melaksanakan urusan tertentu dalam pengurusan zakat pendidikan.

Rukun dan Syarat *Wakālah* dalam Amalan Pelantikan Amil IPT

Para fuqaha membahagikan rukun *wakālah* kepada empat rukun iaitu pewakil, wakil, perkara yang diwakilkan dan lafaz kontrak.¹⁵

Pewakil / Pemberi Wakil (al-Muwakkil) dan Kedudukan Institusi Zakat

Pewakil adalah individu yang menggaji seseorang untuk bertindak sebagai wakilnya dalam menjalankan tugas atau pekerjaan tertentu.¹⁶ Individu ini haruslah memiliki hak milik, kepengurusan, atau kebenaran yang sah atas perkara yang hendak diwakilkan. Perwakilan tidak akan dianggap sah jika objek yang diwakilkan tidak berada dalam hak milik atau pengurusan pewakil, atau jika pewakil tidak mempunyai izin untuk menguruskan perkara tersebut.¹⁷

Pewakil mesti merupakan individu yang memiliki hak dan kelayakan untuk menguruskan harta yang akan diwakilkan.¹⁸ Perwakilan tidak dianggap sah jika dilakukan oleh seseorang yang tidak waras atau kanak-kanak yang belum *mumayyiz*.¹⁹ Seorang kanak-kanak yang *mumayyiz* boleh melantik wakil dalam urusan yang bermanfaat, tetapi hanya dengan izin dari walinya, seperti dalam transaksi jual-beli dan sewa-menyewa.²⁰ Menurut pandangan ulama Shāfi'ī, Māliki dan Ḥanbalī, kanak-kanak

¹³ 'Abd al-Raḥmān Muḥammad 'Aud al-Jazīrī, *al-Fiqh 'alā al-Madhāhib al-Arba'ah* (Kaherah: Mu'assasah al-Mukhtār, 2001), jil. 3, 123.

¹⁴ Islamic Banking and Finance Institute Malaysia, *Buku Panduan Asas Takaful*, ed. ke-2 (Kuala Lumpur: Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM), 2010), 14.

¹⁵ Shams al-Dīn Muḥammad al-Khāṭib al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muhtāj* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1997), jil. 2, 281.

¹⁶ Muṣṭafā al-Khīn, Muṣṭafā al-Bughā dan 'Ālī al-Sharbajī, *al-Fiqh al-Manhājī* (Damsyik: Dār al-'Ulūm al-Insāniah, 1996), jil. 3, 316.

¹⁷ Zulkifli Mohamad al-Bakri, *Kewangan Islam dalam Fiqh Shafi'i* (Kuala Lumpur: IBFIM, 2011), 550; Shams al-Dīn Muḥammad al-Khāṭib al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muhtāj* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1997), jil. 2, 281.

¹⁸ 'Abd al-Raḥmān Muḥammad 'Aud al-Jazīrī, *al-Fiqh 'alā al-Madhāhib al-Arba'ah* (Kaherah: Mu'assasah al-Mukhtār, 2001), jil. 3, 125.

¹⁹ Shams al-Dīn Muḥammad al-Khāṭib al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muhtāj* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1997), jil. 2, 281.

²⁰ Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (Damsyik: Dār al-Fikr, 1985), jil. 4, 153.

dianggap tidak mempunyai kemampuan untuk menguruskan urusan yang diwakilkan, sehingga mereka menolak perwakilan oleh kanak-kanak.²¹

Dalam konteks pengurusan zakat pendidikan di IPT, institusi zakat negeri memenuhi kriteria sebagai *al-muwakkil* yang sah kerana ia merupakan amil tunggal yang diiktiraf oleh pihak berkuasa agama negeri. Autoriti ini meliputi kuasa kutipan, pengurusan dan agihan zakat sebagai harta awam Islam. Pelantikan ini juga boleh difahami sebagai bentuk *wakālah bi al-taṣarruf* yang terhad, iaitu perwakilan yang dibatasi oleh skop tugas dan had kuasa tertentu. IPT tidak bertindak sebagai pemilik atau pemegang kuasa mutlak ke atas harta zakat, sebaliknya hanya melaksanakan fungsi pengurusan berdasarkan mandat yang diberikan. Oleh itu, pelantikan IPT sebagai amil atau penolong amil hanya sah dari sudut fiqh apabila ia dilakukan secara rasmi oleh institusi zakat negeri melalui kontrak *wakālah*.

Implikasi fiqh yang penting di sini ialah IPT tidak boleh bertindak sebagai amil secara autonomi tanpa pelantikan sah, walaupun dengan niat maslahat kepada pelajar. Sekiranya IPT mengurus agihan zakat tanpa mandat *wakālah* yang jelas, tindakan tersebut berisiko dikategorikan sebagai pengurusan harta zakat tanpa autoriti syarie sekali gus menjejaskan keabsahan agihan zakat tersebut.²²

Wakil / Penerima Wakil (al-Wākil) dan Kelayakan IPT sebagai Amil

Wakil merupakan individu yang diberi mandat untuk bertindak bagi pihak pewakil dengan keizinan yang jelas dari pewakil tersebut.²³ Seorang wakil diberikan kuasa untuk mengurus semua perkara yang telah diwakilkan, selama tindakan tersebut tidak bertentangan dengan prinsip syariat dan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan pada saat akad *wakālah*. Adalah penting bahawa wakil harus adil dan amanah dalam menjalankan tugasnya.²⁴ *Wakālah* akan menjadi tidak sah jika wakil melanggar syarat-syarat yang telah disepakati dengan pewakil.

Seorang wakil yang hendak dilantik haruslah mempunyai keupayaan berakal. Menurut pandangan ulama Shāfi‘ī, Māliki dan Ḥanbalī, melantik kanak-kanak sebagai wakil dianggap tidak sah kerana mereka belum mampu bertanggungjawab mengikut hukum syarak dan tidak memiliki kuasa untuk menguruskan tugas tersebut.²⁵ Sebaliknya, ulama Ḥanafī memandangkan sah pelantikan kanak-kanak yang *mumayyiz* sebagai wakil. Namun, untuk kanak-kanak yang belum *mumayyiz* dan orang yang tidak waras, jumhur fuqaha berpendapat bahawa mereka tidak layak untuk dilantik sebagai wakil.²⁶

Dalam konteks pengurusan zakat pendidikan di IPT, konsep *al-wākil* memperlihatkan bahawa IPT boleh bertindak sebagai wakil secara institusi apabila ia memenuhi keperluan pentadbiran dan keupayaan operasional. Ini merangkumi kewujudan struktur organisasi yang jelas seperti unit zakat atau jabatan zakat, pelantikan pegawai secara rasmi serta sistem pengurusan dan rekod kewangan yang tersusun.

²¹ Shams al-Dīn Muḥammad al-Khāṭib al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj* (Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1997), jil. 2, 281.

²² Nazrudin Hashim, Ismail Ahmad Azri Bhari, Mohd Ashrof, Zaki Yaakob, Mohd Faiz Mohamed Yusof, Noraizad Rosli dan Intan Nurrachmi. "Issues and Challenges in Zakat Management in Malaysian Public Higher Educational Institution," *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 14, no. 8 (2024), 2089-2102.

²³ Muṣṭafā al-Khīn, Muṣṭafā al-Bughā dan ‘Alī al-Sharbajī, *al-Fiqh al-Manhājī* (Damsyik: Dār al-‘Ulūm al-Insāniah, 1996), jil. 3, 316.

²⁴ Zulkifli Mohamad al-Bakri, *Kewangan Islam dalam Fiqh Shafi‘i* (Kuala Lumpur: IBFIM, 2011); Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah* (Kaherah: Dār al-Miṣr li al-Ṭibā‘ah, t.t), jil.3, 158.

²⁵ Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (Damsyik: Dār al-Fikr, 1985), jil. 4, 154.

²⁶ *Ibid.*

Walaupun fiqh klasik membahaskan wakil dalam bentuk individu, perkembangan fiqh kontemporari menerima institusi sebagai wakil kolektif selagi fungsi *wakālah* dilaksanakan oleh individu yang berkelayakan dan diberi autoriti dalam kerangka institusi tersebut. Oleh itu, IPT berfungsi sebagai wakil institusi, manakala pegawai unit zakat IPT bertindak sebagai pelaksana *wakālah* pada peringkat operasional.²⁷

Namun demikian, dari sudut fiqh, kesahan formal pelantikan IPT sebagai wakil tidak mencukupi tanpa pemeliharaan aspek amanah dan integriti dalam pelaksanaan. Kegagalan IPT memastikan pegawai yang berpengetahuan, beretika dan bertanggungjawab boleh menjejaskan pelaksanaan *wakālah*, walaupun mandat telah diberikan secara sah oleh institusi zakat negeri.²⁸ Hal ini menegaskan bahawa keberkesanan *wakālah* dalam pengurusan zakat pendidikan bukan sahaja bergantung kepada struktur dan autoriti, tetapi juga kepada kualiti pelaksana yang memikul amanah tersebut.

Perkara Yang Diwakilkan (al-Muwakkal Fīh) dan Skop Tugas Amil IPT

Perkara yang diwakilkan merujuk kepada tugas atau urusan yang pewakil serahkan kepada wakil untuk dijalankan, sesuai dengan syarat-syarat yang telah disetujui bersama. Menurut al-Nawawi, salah satu syarat penting adalah wakil harus memahami secara jelas tugas yang diwakilkan kepadanya.²⁹ Ini penting kerana jika wakil tidak mengetahui dengan jelas tugas yang harus dilaksanakan, risiko penipuan atau kesilapan yang boleh membawa kepada akibat buruk menjadi lebih tinggi.

Selain itu, perkara yang diwakilkan haruslah sesuai dan diizinkan oleh syariat Islam. Wakil tidak boleh menerima tugas yang melibatkan aktiviti yang dilarang atau diharamkan oleh syariat.³⁰ Asas kontrak *wakālah* adalah halal, tetapi jika kontrak tersebut melibatkan elemen-elemen haram, maka pelantikan tersebut menjadi tidak sah dan dilarang dalam Islam. Selain itu, objek yang diwakilkan harus benar-benar menjadi hak milik pewakil; perwakilan tidak akan sah jika objek yang diwakilkan bukan milik pewakil.³¹

Perwakilan juga mestilah melibatkan urusan yang diharuskan seperti pengurusan harta, penyelesaian hutang, urusan perkahwinan dan perundangan.³² Adapun dalam konteks ibadah, fuqaha memperbolehkan perwakilan dalam aspek penerimaan dan pembayaran yang berkaitan dengan harta seperti pembayaran zakat, kafarah dan sedekah.³³ Selanjutnya, pelantikan wakil juga diperbolehkan dalam urusan penyembelihan korban serta pelaksanaan haji atau umrah, terutama jika pewakil tidak mampu secara fizikal untuk menjalankan ibadah tersebut.³⁴

²⁷ Muhammad Rizal Jalil, Hairunnizam Wahid dan Sanep Ahmad. "Lokalisasi Unit Zakat Institusi Pengajian Tinggi Sebagai Model One Stop Center Agihan Zakat Pendidikan." *Journal of Fatwa Management and Research* 10, no. 1 (2017): 51-72.

²⁸ Azman Ab Rahman dan Muhammad Faiz Abd Shakor, "Pengurusan Amil Zakat di Institusi Pengajian Tinggi: Isu dan Cabaran," *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 29, no. 1 (2024), 142-152.

²⁹ Abū Zakariyyā Yahyā bin Sharf al-Nawāwī, *Rawḍah al-Ṭālibīn* (Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, 2003), jil. 3, 527.

³⁰ Shams al-Dīn Muḥammad al-Khāṭib al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj* (Beirut: Dār al-Maʿrifah, 1997), jil. 2, 281; Abū Zakariyyā Yahyā bin Sharf al-Nawāwī, *Rawḍah al-Ṭālibīn* (Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, 2003), jil. 3, 524.

³¹ *Ibid.*, 522.

³² Wahbah al-Zuhaylī, *Fiqh dan Perundangan Islam*, terj. Ahmad Shahbari Salamon (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999), jil. 5, 70.

³³ Muṣṭafā al-Khīn, Muṣṭafā al-Bughā dan ʿĀlī al-Sharbajī, *al-Fiqh al-Manḥājī ʿalā Madhhab al-Imāmi al-Shāfiʿī* (Damsyik: Dār al-Qalam li al-Ṭabāʿah wa al-Nashr wa al-Tawzīʿ, 1992), jil. 7, 172.

³⁴ *Ibid.*

Dalam konteks pengurusan zakat pendidikan di IPT, *al-muwakkal fih* yang diwakilkan oleh institusi zakat negeri kepada IPT lazimnya bersifat khusus dan terhad. Skop tugas ini merangkumi urusan kutipan zakat daripada kalangan staf universiti sehingga urusan agihan zakat kepada penerima dalam kalangan pelajar. Ia merangkumi pengurusan permohonan zakat pelajar, saringan dan pengesahan kelayakan asnaf, pelaksanaan agihan zakat pendidikan, serta penyediaan laporan dan pemantauan kepada institusi zakat negeri. Mandat ini menunjukkan bahawa *wakālah* yang diberikan kepada IPT adalah *wakālah khāṣṣah*, iaitu perwakilan yang dibatasi oleh jenis urusan dan had kuasa tertentu. IPT tidak diberi autoriti untuk menentukan dasar agihan, mengubah kategori asnaf atau menetapkan kadar zakat secara autonomi kerana perkara tersebut kekal dalam bidang kuasa pewakil sebagai pemegang autoriti asal.³⁵

Dari sudut fiqh, kejelasan skop *al-muwakkal fih* dalam dokumen pelantikan amil IPT adalah elemen yang sangat penting. Sekiranya skop tugas tidak dinyatakan secara jelas, tindakan IPT yang melangkaui mandat boleh menimbulkan isu kerana bertindak di luar *wakālah* yang dipersetujui walaupun bertujuan membantu pelajar. Sebarang tindakan penggunaan dan pengagihan dana zakat tanpa kelulusan pewakil boleh dianggap sebagai pelanggaran amanah *wakālah*.

Secara keseluruhannya, *al-muwakkal fih* dalam pelantikan amil IPT menuntut kejelasan mandat, batasan kuasa dan pematuhan terhadap autoriti pewakil. Skop tugas yang jelas bukan sahaja memastikan keberkesanan pengurusan zakat pendidikan di IPT, malah menjadi syarat penting bagi memelihara kesahihan *wakālah* dari sudut syarak serta menjaga amanah harta zakat daripada disalahuruskan.

Lafaz Kontrak (Ṣīghah) dan Bentuk Pelantikan Amil IPT

Lafaz kontrak dalam *wakālah* merujuk kepada ucapan atau janji yang dibuat saat kuasa diberikan dari satu pihak kepada pihak lain. Menurut ulama Ḥanafī, rukun *wakālah* hanya melibatkan dua elemen utama: *ījāb* (penawaran) dan *qabūl* (penerimaan). Tanpa *ījāb* dan *qabūl*, kontrak *wakālah* dianggap tidak sah.³⁶ Contohnya, *ījāb* oleh pewakil boleh berbentuk ucapan seperti, “Saya melantik kamu sebagai wakilku untuk urusan A”, “Lakukanlah urusan A” atau “Saya mengizinkan kamu untuk bertindak demikian”. Sebaliknya, *qabūl* oleh wakil mungkin diungkapkan dengan, “Saya setuju” atau ungkapan serupa.³⁷ Penerimaan *ījāb* tidak terbatas hanya pada bentuk lisan, tetapi juga bisa melalui isyarat atau pemahaman yang jelas.³⁸

Selain itu, pewakil harus membuat pernyataan yang jelas menunjukkan persetujuannya terhadap kontrak perwakilan. Hal ini kerana menguruskan hak milik orang lain tanpa izin atau persetujuan adalah tindakan yang tidak dibenarkan.³⁹ Oleh itu, *ṣīghah* berfungsi sebagai mekanisme untuk memastikan bahawa setiap tindakan wakil berpaksikan mandat yang sah. Dalam fiqh, *ṣīghah* tidak disyaratkan dalam bentuk

³⁵ Mushaddad Hasbullah, Syahnaz Sulaiman, Hakimah Hamir dan Azman Ab Rahman. “Model Tabdir Urus Zakat Universiti Awam: Perbandingan Pusat Wakaf Dan Zakat (PWZ) dan Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN),” *Journal of Fatwa Management and Research* 29, no. 2 (2024), 127-143.

³⁶ ‘Abd al-Raḥmān Muḥammad ‘Aud al-Jazīrī, *al-Fiqh ‘alā al-Madhāhib al-Arba’ah* (Kaherah: Mu’assasah al-Mukhtār, 2001), jil. 3, 124-125; Zulkifli Mohamad al-Bakri, *Kewangan Islam dalam Fiqh Shafi’i* (Kuala Lumpur: IBFIM, 2011), 553.

³⁷ Wahbah al-Zuhaylī, *Fiqh dan Perundangan Islam*, terj. Ahmad Shahbari Salamon (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999), jil. 5, 64; Zulkifli Mohamad al-Bakri, *Kewangan Islam dalam Fiqh Shafi’i* (Kuala Lumpur: IBFIM, 2011), 553.

³⁸ *Ibid.*

³⁹ *Ibid.*

tertentu, sebaliknya merangkumi apa jua medium yang dapat membuktikan wujudnya *ijāb* dan *qabūl* secara jelas serta dapat difahami oleh kedua-dua pihak. Keanjalan ini membolehkan kontrak *wakālah* diaplikasikan dalam pelbagai konteks dan situasi, termasuk dalam pengurusan institusi dan pentadbiran moden.

Dalam konteks pelantikan amil IPT, *ṣīghah* dizahirkan secara bertulis melalui dokumen rasmi seperti surat lantikan, memorandum persefahaman (MoU) dan garis panduan bertulis yang dikeluarkan oleh institusi zakat negeri. Dokumen-dokumen ini berfungsi sebagai manifestasi *ijāb* daripada institusi zakat negeri sebagai pewakil dan *qabūl* oleh pihak IPT sebagai wakil. Dari perspektif fiqh kontemporari, bentuk bertulis ini bukan sahaja sah, malah lebih kukuh kerana ia memperincikan skop *wakālah*, menetapkan tempoh pelantikan serta menyediakan asas pemantauan, pelaporan dan penamatan *wakālah*. Dengan itu, *ṣīghah* tidak lagi bergantung kepada lafaz lisan, tetapi direalisasikan melalui dokumentasi yang jelas dan boleh dibuktikan.⁴⁰

Sebaliknya, ketiadaan dokumen pelantikan yang jelas boleh menimbulkan keraguan terhadap *ṣīghah* dan seterusnya menjejaskan keabsahan tindakan IPT sebagai wakil dari sudut fiqh. Tanpa pernyataan bertulis yang memperincikan mandat, tindakan pengurusan zakat oleh IPT berisiko ditafsirkan sebagai pengurusan tanpa autoriti yang sah. Oleh itu, kejelasan *ṣīghah* dalam bentuk dokumentasi rasmi bukan sekadar keperluan pentadbiran, tetapi merupakan elemen penting bagi memastikan kesahan fiqh dan pemeliharaan amanah zakat.

Secara keseluruhannya, institusi zakat negeri memenuhi kriteria sebagai pewakil yang sah kerana memiliki autoriti ke atas pengurusan zakat, manakala IPT yang dilantik perlu mempunyai struktur organisasi, sumber manusia dan sistem pentadbiran yang membolehkan mandat *wakālah* dilaksanakan dengan berkesan. Keselarasan antara *ṣīghah* dan keupayaan institusi ini memastikan pelantikan amil IPT berjalan dalam kerangka fiqh yang sah, tersusun dan berintegriti.

Penamatan Kontrak *Wakālah*

Wakalah adalah kontrak yang melibatkan hubungan dua hala iaitu antara pewakil dan wakil. Oleh kerana itu, para fuqaha berpandangan bahawa kontrak ini mempunyai hadnya bergantung pada masa, tempat dan keadaan. Berdasarkan kepada definisi yang diberikan iaitu penyerahan sesuatu pekerjaan yang mampu dilaksanakan sendiri dan boleh diwakilkan kepada orang lain dengan lafaz tertentu (akad) untuk dilaksanakan dalam tempoh hayatnya.⁴¹ Justeru, para fuqaha telah memberikan beberapa garis panduan dalam perkara ini.

Antara perkara yang menyebabkan berakhirnya kontrak wakalah iaitu apabila perkara yang diwakilkan telah selesai dilaksanakan maka tiada lagi urusan antara pewakil dengan wakil dan berakhirnya perwakilan antara kedua-dua belah pihak.⁴² Selain itu, ianya juga berakhir apabila pewakil melucutkan keahlian wakil atau pewakil menarik semula urusan yang diwakilkan daripada wakilnya berdasarkan sebab-sebab yang tertentu dan mestilah tidak melanggar segala syarat semasa akad dilakukan.⁴³

⁴⁰ Sigit Prian, Suhartono dan Rifqi, "The Concept of Wakālah and Modern Agency in Contemporary Islamic Law," *Lentera Peradaban: Journal on Islamic Studies* 1, no. 3 (2025): 171-187.

⁴¹ Muṣṭafā al-Khīn, Muṣṭafā al-Bughā dan 'Ālī al-Sharbajī, *al-Fiqh al-Manhājī* (Damsyik: Dār al-'Ulūm al-Insāniyah, 1996), jil. 7, 1805; Zulkifli Mohamad al-Bakri, *Kewangan Islam dalam Fiqh Shafi'i* (Kuala Lumpur: IBFIM, 2011), 584.

⁴² Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (Damsyik: Dār al-Fikr, 1985), jil.4, 165; Zulkifli Mohamad al-Bakri, *Kewangan Islam dalam Fiqh Shafi'i* (Kuala Lumpur: IBFIM, 2011), 586.

⁴³ *Ibid.*

Di samping itu, kontrak wakalah boleh berakhir apabila salah satu pihak daripada pewakil atau wakil hilang keupayaan seperti perkara yang diwakilkan tidak lagi menjadi milik pewakil atau bukan lagi di bawah jagaannya. Begitu juga sekiranya wakil hilang keupayaan untuk melakukan urusan yang diwakilinya seperti meninggal dunia atau gila yang berterusan kerana untuk menjadi wakil mestilah pihak yang mampu untuk menguruskan perkara yang diwakili.⁴⁴

Sekiranya wakil menarik diri daripada melakukan urusan yang diwakilkan atau enggan meneruskan tugasnya, kontrak wakalah dikira terbatal.⁴⁵ Khususnya sekiranya kontrak tersebut tidak melibatkan ganjaran maka wakil boleh melepaskan urusan yang diwakilinya pada bila-bila masa sahaja kerana kontrak tersebut tidak mengikatnya.

Dalam konteks pengurusan zakat pendidikan di IPT, prinsip penamatan kontrak *wakālah* ini menunjukkan bahawa pelantikan amil IPT bukanlah bersifat kekal. Sebaliknya, pelantikan tersebut terikat dengan tujuan dan tempoh tertentu yang telah ditetapkan oleh institusi zakat negeri sebagai pewakil. Apabila urusan yang diwakilkan, khususnya pengurusan kutipan atau agihan zakat kepada pelajar asnaf bagi sesuatu sesi atau tempoh tertentu telah disempurnakan, maka secara fiqh hubungan *wakālah* tersebut dianggap tamat. Oleh itu, kesinambungan peranan amil IPT selepas tempoh tersebut memerlukan pembaharuan mandat atau pengesahan semula pelantikan agar selari dengan prinsip fiqh yang menegaskan keterbatasan dan ketertaklukan *wakālah* kepada tujuan asal perwakilan.

Selain itu, penamatan *wakālah* dalam konteks amil IPT turut berkait dengan kelangsungan keupayaan dan kelayakan institusi sebagai wakil. Sekiranya IPT gagal mengekalkan keupayaan pengurusan, amanah atau pematuhan terhadap garis panduan yang ditetapkan oleh institusi zakat negeri, keadaan ini dari sudut fiqh boleh ditafsirkan sebagai hilang keupayaan substantif untuk melaksanakan urusan yang diwakilkan. Begitu juga, sekiranya IPT tidak lagi bersedia atau berupaya meneruskan tanggungjawab pengurusan zakat pendidikan, penarikan diri secara tersurat atau tersirat tersebut memberi implikasi bahawa kontrak *wakālah* tidak lagi berfungsi sebagaimana tujuan asalnya. Oleh itu, penamatan pelantikan amil IPT dalam situasi sedemikian adalah selaras dengan prinsip syariah yang menekankan pemeliharaan amanah dan keabsahan pengurusan harta zakat.

Jenis *Wakālah* dan Peruntukan Upah bagi Amil IPT

Wakālah dengan upah (*al-wakālah bi al-ujrah*) merujuk kepada kontrak perwakilan yang disertai dengan ganjaran kewangan kepada wakil atas perkhidmatan yang dilaksanakan. Bentuk *wakālah* ini lazim diaplikasikan dalam urusan yang memerlukan komitmen masa, kepakaran dan tanggungjawab tertentu seperti urusan perniagaan, perundangan dan pentadbiran. Dari sudut fiqh, *wakālah* dengan upah ini mempunyai persamaan dengan konsep *ju'alah*, iaitu pemberian ganjaran ke atas sesuatu pekerjaan yang diselesaikan, khususnya apabila tugas tersebut melibatkan usaha dan tanggungjawab yang jelas.⁴⁶

Dalam konteks *ju'alah*, fuqaha menjelaskan bahawa seseorang yang melaksanakan pekerjaan dengan izin pihak lain atau melalui pengumuman semata-mata

⁴⁴ Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (Damsyik: Dār al-Fikr, 1985), jil. 4, 165; Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah* (Kaherah: Dār al-Miṣr li al-Ṭibā'ah, t.t), jil. 3, 160; Ahcene Lahsasna, *Q&A In Islamic Finance* (Kuala Lumpur: CERT Publication Sdn. Bhd., 2010), 158.

⁴⁵ Zulkifli Mohamad al-Bakri, *Kewangan Islam dalam Fiqh Shafi'i* (Kuala Lumpur: IBFIM, 2011), 584-585.

⁴⁶ Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (Damsyik: Dār al-Fikr, 1985), jil. 4, 784.

tanpa penetapan ganjaran tidak berhak menuntut upah walaupun pekerjaan tersebut telah disempurnakan. Ini kerana ketiadaan komitmen kontraktual untuk membayar ganjaran. Namun demikian, jika individu tersebut sememangnya dikenali secara adat sebagai pihak yang menjalankan kerja dengan upah, maka dia berhak menerima *ujrah al-mithl* (upah yang setimpal) berdasarkan kebiasaan setempat.⁴⁷ Prinsip ini menunjukkan bahawa penentuan hak terhadap upah dalam *wakālah* tidak hanya bergantung kepada lafaz kontrak semata-mata, tetapi juga kepada uruf dan konteks pelaksanaan.

Selain *wakālah* dengan upah, fiqh Islam turut mengiktiraf *wakālah* tanpa upah (*al-wakālah bi ghayr al-ujrah*), iaitu perwakilan yang dilakukan secara sukarela sebagai bentuk bantuan dan kerjasama dalam kebaikan. Dalam bentuk ini, wakil tidak berhak menuntut sebarang ganjaran kecuali jika terdapat persetujuan awal atau kebiasaan yang menunjukkan kewujudan imbuhan.⁴⁸ Justeru, perbezaan utama antara kedua-dua bentuk *wakālah* ini terletak pada niat, persetujuan serta struktur kontrak yang mengikat pewakil dan wakil.

Secara umumnya, *wakālah* merupakan kontrak perwakilan yang sah dalam Islam sama ada dengan upah atau tanpa upah, selagi memenuhi prinsip kejelasan, kerelaan dan keadilan. *Wakālah* dengan upah menuntut kejelasan persetujuan berkaitan ganjaran, manakala *wakālah* tanpa upah berasaskan sifat sukarela dan kerjasama demi kemaslahatan bersama.

Dalam konteks pelantikan penolong amil di IPT, *wakālah* berfungsi sebagai mekanisme rasmi perwakilan di mana institusi zakat negeri bertindak sebagai pewakil, manakala penolong amil atau unit zakat IPT dilantik sebagai wakil untuk menguruskan kutipan, agihan dan pemantauan zakat di peringkat institusi. Institusi zakat negeri lazimnya memberikan pulangan semula kepada IPT berdasarkan peratusan tertentu daripada jumlah kutipan zakat yang dikendalikan oleh penolong amil. Pulangan semula ini membolehkan IPT melaksanakan agihan zakat secara lebih tersasar kepada asnaf dalam kalangan warga IPT termasuk pelajar dan staf, sekali gus meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan zakat pendidikan.⁴⁹

Sebahagian daripada pulangan semula tersebut turut boleh diperuntukkan sebagai upah amil. Ianya sebagai pengiktirafan terhadap usaha, masa dan tanggungjawab pentadbiran yang dipikul oleh amil IPT. Dari sudut fiqh, peruntukan upah ini adalah selari dengan konsep *wakālah* dengan upah, dengan syarat kadar dan mekanismenya ditetapkan secara jelas melalui persetujuan awal antara pihak IPT dan institusi zakat, sama ada melalui surat lantikan, memorandum persefahaman atau garis panduan rasmi institusi zakat negeri. Pendekatan ini memastikan keadilan dan ketelusan serta mengekalkan fokus utama zakat untuk dimanfaatkan oleh asnaf, sambil mengiktiraf keperluan profesionalisme dalam pengurusan zakat di peringkat IPT.

⁴⁷ Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah* (Kuwait: Dāral-Salāsīl, 2006), jil. 15, 221.

⁴⁸ Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (Damsyik: Dār al-Fikr, 1985), jil. 5, 76.

⁴⁹ Mohammad Noorazlan Md Ismail, Nor Aini Ali dan Suhaili Sarif, "Praktis Pelantikan Penolong Amil Institusi Pengajian Tinggi di Selangor," *Advances in Humanities and Contemporary Studies* 4, no. 2 (2023), 150-159.

KESIMPULAN

Makalah ini telah membincangkan aplikasi konsep wakālah dalam pengurusan zakat pendidikan dengan memberi tumpuan kepada amalan pelantikan amil di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia. Analisis fiqh muamalat menunjukkan bahawa *wakālah* merupakan mekanisme perwakilan yang sah dan diiktiraf syarak, dengan syarat memenuhi rukun dan syarat yang ditetapkan, termasuk kejelasan pewakil dan wakil, skop perkara yang diwakilkan serta lafaz kontrak yang jelas. Dapatan konseptual menunjukkan bahawa amalan pelantikan amil IPT secara umumnya selari dengan prinsip asas *wakālah* dalam fiqh Islam, di mana institusi zakat negeri bertindak sebagai pewakil yang memiliki autoriti syarie, manakala IPT berfungsi sebagai wakil dalam skop kuasa yang terhad. Namun demikian, kesahan dan keberkesanan *wakālah* ini bergantung kepada kejelasan mandat, struktur tadbir urus yang tersusun serta mekanisme pemantauan dan pelaporan yang berkesan bagi memelihara amanah pengurusan zakat. Dari sudut sumbangan akademik, makalah ini menyediakan satu kerangka konseptual yang mengintegrasikan perbincangan konsep *wakālah* dengan realiti pentadbiran zakat pendidikan di IPT, sekali gus memperkaya wacana tadbir urus zakat pendidikan dan menjadi rujukan awal kepada institusi zakat serta IPT. Memandangkan kajian ini bersifat konseptual, kajian lanjutan dicadangkan bagi menilai pelaksanaan *wakālah* secara lebih mendalam termasuk perbandingan antara negeri, keberkesanan mekanisme pemantauan dan implikasi pelantikan amil IPT terhadap kebajikan pelajar asnaf.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Rahmān Muḥammad ‘Aud al-Jazīrī, *al-Fiqh ‘alā al-Madhāhib al-Arba‘ah* (Kaherah: Mu’assasah al-Mukhtār, 2001), jil. 3.
- Abū Zakariyyā Yaḥyā bin Sharf al-Nawāwī, *Rawḍah al-Ṭālibīn* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003), jil. 3.
- Ahcene Lahsasna, *Q&A In Islamic Finance* (Kuala Lumpur: CERT Publication Sdn. Bhd., 2010).
- Azman Ab Rahman dan Muhammad Faiz Abd Shakor, “Pengurusan Amil Zakat di Institusi Pengajian Tinggi: Isu dan Cabaran,” *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 29, no. 1 (2024), 142-152.
- Azman Ab Rahman, Ammar Badruddin Romli, Muhammad Faiz Abd Shakor, Mohd Noor Daud dan Azme Matali. “Amalan Wakalah Pengurusan Zakat di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia.” *Journal of Fatwa Management and Research* 29, no. 3 (2024): 80-89.
- Hailani Muji Tahir dan Sanep Ahmad, *Aplikasi Fiqh Muamalat dalam Sistem Kewangan Islam* (Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), 2009).
- Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arāb* (Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabiy, 1997), jil. 15.
- Islamic Banking and Finance Institute Malaysia, *Buku Panduan Asas Takaful*, ed. ke-2 (Kuala Lumpur: Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM), 2010).
- Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), entri “*wakalah*”.
- Majma‘ al-Lughah al-‘Arabiyyah, *al-Mu‘jam al-Wasīṭ* (t.tp, t.p, 1985) jil. 2.
- Mohammad Noorazlan Md Ismail dan Nor Aini Ali. “Simulasi Bantuan Zakat oleh Penolong Amil Institusi Pengajian Tinggi di Selangor.” *Online Journal of Islamic Management and Finance (OJIMF)* 2, no. 2 (2022): 103-116.

- Mohammad Noorazlan Md Ismail, Nor Aini Ali dan Suhaili Sarif, “Praktis Pelantikan Penolong Amil Institusi Pengajian Tinggi di Selangor,” *Advances in Humanities and Contemporary Studies* 4, no. 2 (2023), 150-159.
- Muhammad Rizal Jalil, Hairunnizam Wahid dan Sanep Ahmad. “Lokalisasi Unit Zakat Institusi Pengajian Tinggi Sebagai Model One Stop Center Agihan Zakat Pendidikan.” *Journal of Fatwa Management and Research* 10, no. 1 (2017): 51-72.
- Mushaddad Hasbullah, Syahnaz Sulaiman, Hakimah Hamir dan Azman Ab Rahman. “Model Tabdir Urus Zakat Universiti Awam: Perbandingan Pusat Wakaf Dan Zakat (PWZ) dan Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN),” *Journal of Fatwa Management and Research* 29, no. 2 (2024), 127-143.
- Muṣṭafā al-Khīn, Muṣṭafā al-Bughā dan ‘Ālī al-Sharbajī, *al-Fiqh al-Manhājī ‘alā Madhhab al-Imāmi al-Shāfi’ī* (Damsyik: Dār al-‘Ulūm al-Insāniah, 1996), jil. 3.
- Nazrudin Hashim, Ismail Ahmad Azri Bhari, Mohd Ashrof, Zaki Yaakob, Mohd Faiz Mohamed Yusof, Noraizad Rosli dan Intan Nurrachmi. “Issues and Challenges in Zakat Management in Malaysian Public Higher Educational Institution,” *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 14, no. 8 (2024), 2089-2102.
- Rosliza @ Rosli Mahmud, Sanep Ahmad, Abdul Basir Haji Mohamad dan Shofian Hj Ahmad. “Institusi Pengajian Tinggi Sebagai Model Melokalisasikan Urus Tadbir Zakat di Malaysia.” *Jurnal Muamalat* 7 (2014): 133-161.
- Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah* (Kaherah: Dār al-Miṣr li al-Ṭibā‘ah, t.t), jil. 3.
- Shams al-Dīn Muḥammad al-Khāṭib al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj* (Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1997), jil. 2.
- Sigit Prian, Suhartono dan Rifqi, “The Concept of Wakālah and Modern Agency in Contemporary Islamic Law,” *Lentera Peradaban: Journal on Islamic Studies* 1, no. 3 (2025): 171-187.
- Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (Damsyik: Dār al-Fikr, 1985), jil. 4.
- Wahbah al-Zuhaylī, *Fiqh dan Perundangan Islam*, terj. Ahmad Shahbari Salamon (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999), jil. 5.
- Wizārah al-Awqāf wa al-Shu‘ūn al-Islāmiyyah, *al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah* (Kuwait: Dāral-Salāsīl, 2006), jil. 15.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri, *Kewangan Islam dalam Fiqh Shafi’i* (Kuala Lumpur: IBFIM, 2011).